

USIM Jelajah Selatan Thailand

Nilai: Pusat Perhubungan Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempromosikan peluang pengajian universiti itu kepada pelajar antarabangsa.

Menerusi siri Program Jelajah Promosi USIM ke negara terpilih, selatan Thailand menjadi lokasi terbaharu rombongan USIM diketuai Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Prof Datuk Dr Muhammad Muda.

Program selama lima hari itu menjelajah lima daerah di Selatan Thailand iaitu Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Hatyai dengan lokasi tertumpu di beberapa sekolah iaitu Sekolah Thamvitya Mulniti (Yala), Sekolah Darunsat (Sai Buri),

Madrasah Darussalam (Narathiwat) dan Sekolah Mahat Nuruddin (Songkhla).

Promosi ke sekolah

Muhamad berkata, usaha mengadakan promosi di sekolah agama terpilih itu bertujuan memberikan pendedahan kepada kumpulan sasaran iaitu pelajar lepasan sekolah menengah aliran agama untuk melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah di USIM.

"Lawatan turut mengenal pasti kelompok masyarakat dan komuniti di selatan Thailand bagi menjayakan program mobiliti pelajar bersama-sama masyarakat. Turut diadakan, perbincangan bersama dengan Education Heritage Foundation (EHF) mengenai program wakaf dan cadangan penubuhan universiti Islam di wilayah selatan Thailand.

"Perbincangan kemudian disusuli dengan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) bersama EHF yang diwakili Presiden dan Timbalan Presiden, Areepen Utarasint dan Boonya Leeled serta Pengarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf, Prof Datuk Dr Mohammad Alias," katanya.

Tinjau tapak

Katanya, satu kunjungan hormat bersama dengan Rektor Faton University, Dr Ismail Lutfi Chapekaya juga diadakan di Madrasah Ar-Rahmaniah Fatani, Yala yang menyatakan hasrat bekerjasama dengan USIM.

Rombongan turut berkesempatan meninjau tapak Asian International University of Science and Technology iaitu projek kerjasama pendidikan antara Thailand dan Malaysia memabitkan USIM, Kolej Murni, Kolej Universiti Insaniah dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Muhamad (dua dari kanan) bersama dengan pengurusan sekolah di daerah selatan Thailand.